

# GPMS diminta jana generasi berwibawa

BH 1 MAY 2000  
KUALA LUMPUR, Ahad - Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) terus membantu usaha memperjuangkan nasib orang Melayu dalam bidang pendidikan.

"Marilah kita bersatu menggembeng idea dan tenaga demi menjana generasi muda Melayu yang lebih berwibawa dan mempunyai kemampuan serta kematangan untuk membawa bangsanya ke tahap pencapaian lebih tinggi lagi," kata Abdullah, yang juga Ketua Penasihat GPMS.

Beliau berkata sejak merdeka, pencapaian orang Melayu dalam bidang pendidikan terus meningkat dan ramai yang berjaya dalam pelbagai bidang yang diterokai.

"Ini tidak akan berlaku jika kita tidak mempunyai kerajaan dan pemimpin yang berwawasan yang sentiasa prihatin dengan kehendak rakyat, khususnya orang Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kata-kata aluan untuk Malam Semarak Perjuangan GPMS di bawah naungan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di sini malam, esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan berucap pada majlis itu sempena perayaan jubli emas GPMS.

Dr Siti Hasmah berkata majlis itu diharap dapat menyemarakkan lagi agenda pendidikan dan sosial negara di semua peringkat.

"Sumbangan GPMS selama ini tidak boleh dipandang ringan kerana peranannya begitu besar dalam melahirkan generasi berjiwa besar, dinamik dan mampu menjadi ejen perubahan," katanya dalam kata-kata aluan sebagai penaung majlis itu.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dalam kata-kata aluannya meminta GPMS menyemarakkan perjuangannya bagi mengangkat martabat bangsa dan negara menerusi pendidikan.